



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 MAC 2019 (ISNIN)

AKHBAR	MUKA SURAT
KOSMO	
- ISU & HAK PENGGUNA	18
Utusan Malaysia	
- Beban hutang utiliti setengah juta	46
- Perubahan lalu lintas di Jalan Putra Permai bermula 6 April	47



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 04 MAC 2019 (ISNIN)	
Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	ISU & HAK PENGGUNA
Muka Surat	18

ISU & HAK PENGGUNA
Kosmo 4/3/19 M/S 18
■ PIHAK berkuasa tempatan (PBT) diharap tidak terlalu mengambil masa yang panjang untuk melaksanakan projek yang diluluskan dalam mesyuarat majlis PBT seperti mengecat garisan jalan.
>OKKK



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 04 MAC 2019 (ISNIN)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Beban hutang utiliti setengah juta
Muka Surat	46

ISNIN • 04.03.2019

UTUSAN KOTA

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

WAKILTNB datang untuk membuat pemotongan bekalan elektrik di Pangsapuri Seri Nipah, Subang Jaya Selangor baru-baru ini.

Beban hutang utiliti setengah juta

Oleh NUR IZZATI IZZAH NADZI
perangang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 MAC.

TERBEBAN dengan hutang penyelenggaraan berjumlah lebih RM500,000, penduduk Pangsapuri Seri Nipah, Subang Jaya dekat sini mahu pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) campur tangan dalam pentadbiran Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Penduduk mendakwa, jumlah keseluruhan hutang yang ditanggung adalah sekitar RM400,000 bagi bil elektrik dan RM100,000 bagi bil air.

Ekoran tunggakan itu, sudah beberapa kali bekalan elektrik dipotong oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Lebih malang lagi, pemotongan itu turut menyebabkan bekalan air yang menggunakan pam terputus dan operasi lif terhenti sehingga mengganggu kehidupan seharian penduduk.

Penduduk, Nurul Aida Mastura Abd. Rahman, 31, yang tinggal di situ sejak lima tahun lalu berkata, walaupun sudah

PANGSAPURI Seri Nipah setinggi 11 tingkat yang menempatkan 312 unit kediaman.

beberapa kali pengurusan JMB bertukar tangan, masalah tunggakan itu tidak pernah selesai.

"Daripada bayaran sebanyak RM30 sebulan, kami penduduk bersetuju menerima kenaikan

kepada RM60 dan terbaharu RM80 tapi masalah masih tidak dapat diselesaikan.

"Kami kecewa kerana jumlah tunggakan berkenaan bukannya bil individu yang digunakan

penduduk tetapi daripada kegagalan membayar bil elektrik dan air daripada meter pukal," katanya.

Nurul Aida berkata, jumlah daripada kutipan bayaran penyelenggaraan bulanan hanya mampu menampung kos pembersihan kawasan, pengawal keselamatan, penyelenggaraan lif dan membaiki kerosakan pada bangunan.

Katanya, kesan daripada masalah tunggakan itu semakin 'membarah' apabila pemilik dan penyewa mula keluar untuk mencari penginapan di tempat lain.

Sehubungan itu ujarinya, penduduk berharap pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPSJ dapat membantu menyelesaikan masalah tersebut.

"Terpulang kepada COB untuk mengesyorkan apa bentuk kaedah yang ada supaya kami dapat keluar daripada masalah yang tidak bertitik noktah ini," katanya.

Sementara itu, Nurul Aida berkata, pihak JMB pangsapuri juga mengharapkan bantuan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Tiga, Rodziah Ismail supaya sekali

lagi membantu menyelesaikan masalah itu.

"Sebelum ini YB Rodziah Ismail pernah membantu penduduk melalui bantuan peruntukan membaiki tangki air berkapasiti 16,000 liter yang pecah kira-kira dua tahun lalu.

"Kalau boleh kami penduduk berharap YB atau mana-mana pihak dapat sekali lagi membantu kami di sini," katanya.

REAKSI

"SAYA tidak berpuas hati dengan cara pengurusan JMB kerana melihat keadaan sekeliling yang teruk seolah-olah kami tidak menjelaskan bayaran yuran bulanan. Saya harap pihak COB MPSJ dapat campur tangan demi nasib penduduk"

SAIFUL NIZAM MD. SHAH
Penduduk

KURLINAH RUSLI
Penduduk

KEADAAN lif yang tidak berfungsi selepas elektrik dipotong.

KEADAAN longkang tidak berpenutup yang turut mengandungi pembuangan nyamuk dan pembuangan sampah.

LALUAN tangga yang tidak diselenggara boleh mengandungi kemalangan kepada penduduk.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 04 MAC 2019 (ISNIN)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Perubahan lalu lintas di Jalan Putra Permai bermula 6 April
Muka Surat	47

UTUSAN MALAYSIA • ISNIN 04 MAC 2019

UTUSAN KOTA 47

Perubahan lalu lintas di Jalan Putra Permai bermula 6 April

4m 4/3/19 M377

Oleh NIK HAFIZUL
BAHARUDDIN
pengarang@utusan.com.my

■ SUBANG JAYA 3 MAC.

MAJLIS Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan melaksanakan Sistem Lalu Lintas Tiga Fasa di persimpangan lampu isyarat Jalan Putra Permai-Persiaran Lestari Perdana, Seri Kembangan melalui Persiaran Puteri Sentosa, Persiaran Putra Permai Utama, Persiaran Putra Permai Selesa dan Persiaran Pinggiran Putra.

Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Mohd. Zulkurnain Che Ali berkata, pelaksanaan sistem itu melalui kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lingkaran Trans Kota Holding Berhad (Litrah) bertujuan melancarkan pengurusan trafik di kawasan tersebut.

"Pelaksanaan sistem lalu lintas baharu ini akan dibuat secara percubaan selama tiga bulan dengan pemantauan bersama oleh MPSJ, JKR, Polis Diraja Malaysia dan Litrah.

"MPSJ akan memasang papan tanda sebagai notis pemberitahuan kepada penduduk berhubung perkara ini di sekitar kawasan berkenaan bermula 1 Mac ini," katanya dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat Penuh MPSJ Februari 2019 di Bangunan MPSJ, di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Zulkurnain, pelaksanaan sistem pengurusan lalu lintas itu akan melibatkan penutupan Jalan Prima Tropika menghala keluar ke Jalan

Putra Permai.

"Sehubungan itu, pengguna jalan raya dari kawasan The Atmosphere, Taman Prima Tropika, Taman Alam Putra dan Taman Lestari Permai diminta mengetahui arah laluan alternatif yang disediakan bagi melancarkan perjalanan.

"Selain itu, pengguna juga boleh menggunakan laluan alternatif ke Seri Kembangan melalui Persiaran Puteri Sentosa, Persiaran Putra Permai Utama, Persiaran Putra Permai Selesa dan Persiaran Pinggiran Putra.

"Pengguna yang mahu ke Puchong atau Putrajaya pula boleh melalui Jalan Atmosphere Utama 2 manakala ke Lestari Perdana melalui Persiaran Putra Permai Utama dan Persiaran Putra Permai Selesa," katanya.

Bagaimanapun jelas beliau, pihaknya menjangka timbul sedikit kekeliruan dalam kalangan pengguna jalan raya pada awal pelaksanaannya.

"Sehubungan itu, MPSJ akan menyediakan notis atau tanda arah yang mencukupi di beberapa lokasi kawasan bagi memudahkan pemandu menuju ke destinasi masing-masing.

"Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut boleh melayari laman web MPSJ di www.mpsj.gov.my atau menghubungi Pusat Panggilan Setempat di talian 03 8024 7700," katanya.



CADANGAN laluan alternatif ke Lestari Perdana dan Seri Kembangan berikutan pelaksanaan Sistem Lalu Lintas Tiga Fasa di persimpangan Jalan Putra Permai-Persiaran Lestari Perdana, Seri Kembangan berkuat kuasa 6 April ini.

CENTRIA³⁹

Tempat Perniagaan Baharu Anda

PUCHONG

Kedai Pejabat 3 Tingkat

Keluasan: 3,990kp
20' x 70'

- CENTRIA adalah pusat perniagaan berkepadatan rendah yang melayani komuniti setempat dalam kejiranan baru.
- Dengan pelbagai lebih raya yang menghubungkan Lembah Klang seperti LDP, SKVE, ELITE dan MEX, lokasi yang sangat mudah dicapai dalam masa 10 minit perjalanan ke Bandar Pusat Puchong, Putrajaya dan Cyberjaya.
- Pusat perniagaan yang moden dalam jarak berjalan kaki.
- CENTRIA adalah pusat perniagaan yang baru dibangunkan di sebelah Puchong, dengan 39 unit lot kedai / pejabat yang direka kontemporari, berukuran 20' x 70'.
- CENTRIA mewujudkan persekitaran yang kondusif yang memenuhi semua keperluan perniagaan anda, sambil menikmati potensi penghargaan modal yang sangat baik.

DISKAUN BUMI 10%

Pemaju: 萬年有限公司
Abadi Man Nien Sdn Bhd (No. 16-990-04)
Wisma Abadi Man Nien
No 8-1A, Jalan S1100C Taman Agadi Indah
Off Jalan Klang Lama, 56100 Kuala Lumpur
Tel: +603-7982 8000 Fax: +603-7980 5555
www.abadiheights.com.my GST NO. 014805632

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
012-718 7355 (Alex)
016-230 4650 (Chestor)
03-7982 8000

Pembiaya:

www.abadiheights.com.my

Semua maklumat yang terkandung disini boleh diubah tanpa notis oleh pihak yang berkuasa atau akhir terdapat dalam tawaran atau kontrak. Pemilik, pemaju dan pengurus tidak bertanggungjawab atas setiap isu yang diambil dalam memberikan maklumat ini untuk variasi. Semua ukuran adalah anggaran dan ilustrasi adalah ilham artis sahaja dan tidak terkandung sebarang jaminan dari perjanjian.